

Usah laksana tugas untuk publisiti: PM

BH - 13/2/2006

DARI MUKA 1

Sementara itu, Abdullah mengingatkan wakil rakyat, khusus daripada Barisan Nasional (BN), supaya tidak melaksanakan tugas hanya untuk mendapat publisiti atau selepas sesuatu isu dibangkitkan media.

Beliau juga mahu semua wakil rakyat sentiasa peka terhadap sebarang isu dan permasalahan rakyat serta mempunyai komitmen yang tinggi untuk berkhidmat, seperti yang dijanjikan mereka semasa kempen pilihan raya.

"Kalau (wakil rakyat) kerja ketika wartawan ada saja, tentulah tidak memuaskan. Kerja mesti diteruskan setiap masa dan tak perlu ada wartawan atau televisyen... kerja terus-lah.

"Saya percaya kerja wakil rakyat bukan hanya tunggu wartawan datang. Kalau mereka tunggu wartawan datang, saya percaya mereka tidak akan berjaya membawa pembangunan ke kawasan mereka," katanya.

Ditanya sejauh mana wakil rakyat BN melaksanakan perkara yang terkandung dalam manifesto pilihan raya lalu, Abdullah berkata, semua mereka sedang berusaha menunaikan janji itu.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, beliau tidak membincangkan mengenai pilihan raya Sarawak ketika bertemu dengan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud, kelmarin.

"Buat apa saya nak cakap dan memberatkan dia... biarlah dia rehat dan sembuh supaya dapat beri perhatian kepada tugas," katanya sambil, menjelaskan beliau sekadar menziarah Abdul Taib yang baru pulih daripada pembedahan kanser usus.